

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

TARIKH : 17 JUN 2015

RUJUKAN : 7986

SOALAN:

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah dan jenis aduan yang dibuat Datuk Seri Anwar Ibrahim sepanjang beliau berada di penjara Sungai Buluh. Berapakah surat, poskad dan buku-buku kiriman yang disekat oleh pihak penjara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Semenjak Dato' Seri Anwar Ibrahim ditahan di Penjara Sungai Buloh mulai 10 Februari 2015, beliau tidak membuat sebarang aduan kepada pengurusan penjara Sungai Buloh. Walau bagaimanapun, sesetengah pihak yang mempunyai kepentingan tertentu di luar penjara telah membuat pelbagai tuduhan terhadap pengurusan Penjara Sungai Buloh berhubung layanan yang diberikan kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Setakat ini, surat, poskad dan buku kiriman yang ditujukan kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah mengikut ketetapan Peraturan-Peraturan Penjara 2000 serta prosedur operasi standard (SOP) Jabatan Penjara. Sehubungan itu, ia tidak disekat oleh pihak pengurusan penjara. Kemudahan dan peralatan lain juga tidak dihalang dari diberikan kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim sepertimana kemudahan dan peralatan yang diberikan kepada banduan lain berasaskan ketetapan peraturan dan prosedur penjara.